

Masalah Sarawak bukan dadah tetapi bahan khayal

September 15, 2015, Tuesday

Paling dikhuatiri di negeri ini pengambilan gam, Nospan dan ubat batuk di kalangan anak muda

Oleh Nick Fletcher //



MAKLUMAT BERGUNA: Beberapa jenis dadah serta informasi berkaitan dadah dipamerkan sempena Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah Peringkat Negeri Sarawak di Bangunan Sultan Iskandar, di Kuching, semalam.

KUCHING: Masalah penagihan dadah di Sarawak tidak pada peringkat bahaya berbanding Semenanjung Malaysia dan Sabah tetapi paling dikhuatiri di negeri ini adalah pengambilan bahan mengkhayalkan seperti gam, Nospan serta ubat batuk di kalangan anak muda.

Selain itu, menurut Menteri Muda Pembangunan Belia (Bandar) Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah, negeri ini turut berdepan peningkatan pengambilan dadah sintetik seperti amphetamine, syabu, 'ais' dan 'batu'.

“Inilah yang merunsingkan dan kerana itulah kami berusaha memberi kesedaran kepada anak-anak muda dan masyarakat melalui program kesedaran tentang bahaya dadah,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah Peringkat Negeri Sarawak di Bangunan Sultan Iskandar, di sini semalam.

Menjelas lanjut, Karim berkata statistik menunjukkan bilangan Orang Kena Pengawasan (OKP) yang telah didaftarkan di Sarawak setakat Mei tahun ini adalah seramai 365 orang yang melibatkan seramai 323 lelaki dan 42 wanita.

Daripada jumlah tersebut, 88.49 peratus adalah kes baharu manakala 11 peratus adalah kes berulang.

Beliau berkata pada tahun lepas, OKP di Sarawak adalah seramai 749 orang iaitu melibatkan 687 lelaki dan 62 wanita dengan 91.72 peratus adalah kes baharu manakala 8.28 peratus adalah kes berulang.

“Setakat Mei tahun ini, bilangan penagih tertinggi dikesan adalah di Kuching iaitu seramai 121 orang diikuti Samarahan 72 orang, Miri 57 orang dan Sri Aman 51 orang,” katanya.

Dari segi umur OKP, Karim berkata pada 2014 OKP yang berusia 17 tahun ke bawah adalah seramai 17 orang, 18 hingga 21 tahun (107 orang), 22 hingga 29 tahun (309 orang), 30 hingga 39 tahun (230 orang), 40 hingga 49 tahun (71 orang) dan 50 hingga 59 tahun (15 orang).

Manakala setakat Mei 2015, beliau berkata OKP yang berusia 17 tahun ke bawah adalah seramai 6 orang, 18 hingga 21 tahun (57 orang), 22 hingga 29 tahun (155 orang), 30 hingga 39 tahun (103 orang), 40 hingga 49 tahun (40 orang) dan 50 hingga 59 tahun (6 orang).

“Bilangan OKP paling ramai dikesan adalah dalam lingkungan 22 hingga 29 tahun,” katanya. Kaum Melayu adalah paling ramai dikesan dalam pengambilan dadah diikuti Cina dan Iban.

Tahun lepas, OKP daripada kaum Melayu adalah seramai 465 orang, Cina 171 orang dan Iban 54 orang manakala setakat Mei tahun ini, Melayu seramai 230 orang, Cina 79 orang dan Iban 34 orang.

Sementara, mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah Peringkat Negeri Sarawak telah melibatkan keseluruhan agensi yang terlibat dalam usaha membasmi dadah termasuk sekolah, pejabat residen dan pejabat daerah di seluruh Sarawak.

Mesyuarat berkenaan adalah untuk membincangkan masalah dadah di kalangan masyarakat termasuk pelajar sekolah selain membincangkan langkah untuk membasminya.

Hadir sama Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Sarawak Wan Madihi Wan Salleh, Timbalan Ketua Pengarah Operasi Izhar Abu Talib dan Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik DSP Sekam Anoi.